

**TEKS UCAPAN  
YBHG DATO' PROF DR ZUL AZHAR ZAHID JAMAL  
NAIB CANSELOR UNIMAP,  
SEMPENA  
UniMAP-SME CORP YOUTH ENTREPRENEURIAL  
ENGAGEMENT 2018  
26 APRIL 2018,  
DEWAN KECEMERLANGAN UniMAP PAUH PUTRA**

**Bismillahirrahmanirrahim**

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh, Salam Sejahtera

Salam Negaraku Malaysia - Salam 1 Malaysia, dan

Salam Ilmu Keikhlasan Kecemerlangan UniMAP

**SALUTASI**

Yang Berbahagia Timbalan-timbalan Naib Canselor UniMAP,

Yang Berusaha Encik Noor Azzam Yazzizul Ghaffar, Pengarah SME Corp Perlis,

Yang Berusaha Pegawai-pegawai Utama Universiti,

Yang Berusaha Prof Dr Rosni Bakar Pengarah Pusat Pengkomersilan Harta Intelek  
UniMAP (CIPC),

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Usahawan-usahawan jemputan,

Rakan-rakan media,

Seterusnya warga UniMAP yang dikasihi sekalian,

**KATA ALUAN**

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita sama-sama panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Azza Wajjalla kerana atas limpah rahmat dan kasihNya, kita

dapat berkumpul di program UniMAP-SME Corp Youth Entrepreneurial Engagement 2018 pada hari ini.

2. Saya bagi pihak UniMAP ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada SME Corp Perlis yang diterajui Encik Noor Azzam kerana sudi bekerjasama dengan UniMAP ke arah memartabatkan usahawan di kalangan mahasiswa dan staf menerusi program seperti ini.
3. Tidak dilupakan syabas dan tahniah kepada Prof. Dr. Rosni Bakar, Pengarah Pusat Pengkomersilan Harta Intelek UniMAP (CIPC) dan pasukan di atas komitmen bagi menjayakan misi kerjasama ini.

Hadirin hadirat sekalian,

#### **INISIATIF KEUSAHAWANAN**

4. Pada hemah saya, Program Keusahawanan ini sememangnya dilihat sebagai satu usaha “spearhead” dalam memperkasakan nilai dan inisiatif keusahawanan di Malaysia. Sintesis Kerjasama sebegini bukan sahaja mampu membina minat keusahawanan dalam kalangan pelajar UniMAP bahkan juga staf-staf UniMAP dan juga masyarakat awam Perlis.
5. Untuk makluman Tuan Pengarah serta hadirin sekalian, UniMAP juga memberikan peluang kepada staf-staf untuk turut sama mendakapi aspirasi keusahawanan kearah mewujudkan teknologi-usahawan. Dalam tahun ini sahaja, empat syarikat terbitan atau “start-up company” ditubuhkan oleh penyarah UniMAP dibawah kelolaan CIPC.
6. Saya menyeru, semangat yang dibawa oleh pensyarah-pensyarah yang menubuhkan empat syarikat terbitan iaitu; HASS Solution Sdn Bhd, Mangga Lestari Consult Sdn Bhd, E Prolink Sdn Bhd dan SWZ Engineering Consultant Sdn Bhd tidak hanya berlegar dalam kalangan pensyarah dan staf, tetapi harus juga belegar dan diterapkan dalam kalangan pelajar-pelajar UniMAP sekaligus program seperti ini akan menjadi katalis dan “stepping stone” kepada para pelajar membina keusahawanan dalam jiwa masing-masing.

Hadirin hadirat sekalian,

### **KOMITMEN UniMAP DALAM KEUSAHAWANAN**

7. UniMAP sebagai sebuah institusi yang berfokus kepada teknologi dan kejuruteraan, tidak seharusnya menjadi “silo” atau “jumud” hanya kepada Teknologi dan Kejuruteraan. Sebagai universiti cakna perubahan, UniMAP tidak pernah menyisihkan keusahawanan.
8. Sejak 2009 UniMAP mempunyai satu Pusat Pengajian khusus kepada Perniagaan dan Keusahawanan iaitu **Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan dan Tekno-usahawan (PPIPT)**. Ini menunjukkan sama sekali kebergantungan idea idea keusahawanan, teknologi dan kejuruteraan tidak terasing dengan UniMAP.
9. Selain dari menghasilkan jurutera berkualiti, banyak juga mahasiswa lepasan UniMAP (alumni) yang memilih untuk menjadi ahli perniagaan. Mereka ialah ;
  - **Wan Zarif Wan Zahiri**, Graduan Kejuruteraan Elektrik, sekarang merupakan Pengarah Urusan **Digital Padu Sdn Bhd**
  - **Azizul Jailani**, Graduan Perniagaan Keusahawanan Kejuruteraan, sekarang merupakan CEO **Inspio Plt.**
  - **Muhammad Sya'er Maidin**, Graduan Fotonik, sekarang merupakan Pengarah Syarikat **Reays Enterprise**
  - **Khairul Mustaqim Ridwan Wong**, Graduan Mekatronik, sekarang Pengarah Syarikat **Terratronic Sdn Bhd**
  - **Nurul Syuhada Ibrahim**, Graduan Perniagaan Keusahawanan Kejuruteraan, sekarang Pengarah Urusan **Ada Heritage Sdn Bhd**
  - **Wan Mohamad Ramadhan Wan Mat Zin**, Graduan Perniagaan Keusahawanan Kejuruteraan, sekarang Pengarah Urusan Tunas Inspirasi Trading dan;
  - **Hanim Mansor**, Graduan Perniagaan Keusahawanan Kejuruteraan, Pengarah Urusan, **Hanimlicious Bakery**
10. Ini semua adalah bukti kejayaan UniMAP dalam mengangkat aspirasi kerajaan dalam mewujudkan dan membangunkan keusahawanan dalam kalangan pelajar-pelajar. Kita tahu, “**Program Outcome**” kita adalah “ to produce engineers” tetapi saya kira tidak salah untuk kita “**expand the horizon**” bagi

memperkasakan mahasiswa kita supaya mempunyai lebih banyak alternatif setelah bergraduat.

Hadirin sekalian,

**PENUTUP**

11. Selaku Naib Canselor, saya berharap program hari ini dapat mencapai objektif yang disasarkan. Terima kasih kepada usahawan-usahawan yang sudi hadir menyuntik aspirasi keusahawanan dan berkongsi pengalaman bersama pelajar dan warga UniMAP iaitu;

- a. Ybhg. **Dato' Anuar Abd Rahman**, dari Golden Art Gallery Sdn Bhd
- b. Ybhg. **Dato' Mahathir Badrul Zaman**, Grow Your Wealth Sdn bhd
- c. Saudara **Eekram Ibrahim**, dari Paduka Jaya Sdn Bhd
- d. Puan **Suzana Hamid**, Tanda Cinta Enterprise
- e. Saudara **Shaiful Zairi Subhi**, Aqua North Sdn Bhd
- f. Saudara **Azwari Azmy**, Onez Vision Enterprise
- g. Saudara **Mohd Firdaus Abu Bakar**, CN Bina Sejahtera Sdn Bhd. En. Firdaus sebelum ini merupakan staf UniMAP dimana beliau adalah Pegawai di Pusat Kerjasama Industri dan Kerajaan UniMAP (CIGC UniMAP). Syabas di atas kejayaan perniagaan anda semua!

12. Tidak lupa sekali lagi ucapan ribuan terima kasih kepada pihak **SME Corp Perlis**. Kami di UniMAP berbesar hati atas kesempatan yang diberikan bagi anjuran bersama program yang bermanfaat ini. Kami juga mengalu-alukan sekiranya pada masa hadapan banyak lagi program-program seperti ini dianjurkan.

13. Kepada staf staf, pelajar-pelajar, usahawan-usahawan yang hadir, saya harap maklumat dan tunjuk ajar serta pengalaman yang boleh dimanfaatkan dalam program ini, mampu memberi impak dalam menzahirkan kekuatan dan semangat keusahawanan sekalian.

14. Juga diucapkan tahniah kepada CIPC dan AJK-AJK yang terlibat dalam menjayakan program ini. Walaupun program ini bukan dibawah bidang kuasa CIPC, dengan kekuatan “network” yang terjalin dengan institusi-institusi seperti SME Corp, MARA, TEKUN, PNS dan banyak lagi agensi-agensi yang mendasari keusahawanan di Malaysia menyemarakkan lagi semangat keusahawanan di setiap nadi warga UniMAP. Insya ALLAH.
15. Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirahmanirrahim saya merasmikan Penutup **Program UniMAP-SME Corp Youth Entrepreneurial Engagement 2018.**

Sekian terima kasih.